



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

Peranan Emoji Dalam Komunikasi Digital

Ditulis oleh: Nor Azlina Aziz Fadzillah,
Rozianiwati Yusof, Normaziah Abdul
Rahman, Sri Yusmawati Mohd Yunus,
Norhafizah Hashim



Komunikasi merupakan elemen utama dalam perhubungan manusia. Pelbagai bentuk komunikasi digunakan untuk menyampaikan maklumat daripada penyampai kepada penerima, antaranya melalui bahasa tubuh, bahasa isyarat, sentuhan, dan penulisan. Menurut Byrnes (1975), komunikasi boleh ditakrifkan sebagai satu proses perkongsian pemikiran dan perasaan seseorang melalui pertuturan, simbol, dan isyarat. Proses interaksi ini berlaku untuk mencapai matlamat seperti mempengaruhi tingkah laku, pertukaran maklumat, dan memujuk.

Perkembangan teknologi turut memberi kesan terhadap cara kita berkomunikasi di dalam dunia digital. Komunikasi digital melibatkan interaksi dan penyampaian mesej secara maya melalui penggunaan peranti digital seperti komputer atau

telefon bimbit. Ia disokong dengan penggunaan platform aplikasi atau laman media sosial tertentu seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, dan Twitter yang berasaskan Internet. Emoji merupakan bentuk bahasa visual yang selalu digunakan dalam berkomunikasi secara digital. Ia sangat penting dalam komunikasi berbentuk pesanan teks samada di media sosial atau melalui penggunaan telefon pintar.

Penggunaan emoji telah menjadi bahasa visual universal yang memainkan peranan penting dalam komunikasi harian manusia. Emoji sebenarnya bermula daripada emotikon yang dipopularkan daripada tulisan Jepun iaitu 'kao' (wajah) dan 'moji' (karektor) serta diwakilkan dalam bentuk teks dengan menggunakan tanda baca, dan nombor (Ruan, 2011). Ia diperkenalkan oleh Shigatoka Kurita pada akhir tahun 1990-an dan digunakan oleh pengguna telefon pintar buatan Jepun.

Kajian oleh Sarkar, Shetty dan Humstoe (2014) membuktikan 98 peratus pengguna digital mengenali lambang emoji seperti "😊" (senyum) dan "😭" (sedih). Kini, bentuk emoji telah bertukar dan diseragamkan melalui kod-kod aksara universal *American Standard Code for Information Interchange* (Unicode ASCII, 2016 & 2017) untuk memastikan penggunaannya lebih meluas dan difahami semua.

Emoji diguna pakai secara meluas dalam pelbagai jenis peranti mudah alih seperti telefon pintar, komputer dan tablet. Ia digunakan dalam komunikasi digital, seperti e-mel, media sosial, pesanan ringkas, panggilan telefon digital dan panggilan video, sehingga menyebabkan emoji menjadi popular di seluruh dunia. Emoji telah menjadi sebahagian elemen yang penting dalam komunikasi digital moden. Setiap emoji akan diwakili secara visual seperti raut wajah, objek, dan gerak isyarat. Jadual 1 menunjukkan contoh emoji yang mewakili pelbagai ekspresi wajah seperti emosi bahagia, sedih, kecewa, dan terkejut.

Jadual 1: Contoh emoji bagi ekspresi wajah

Simbol Emoji	Maksud Emoji
	Emoji wajah tersenyum menandakan kebahagiaan.
	Emoji wajah menangis menunjukkan kesedihan.
	Ramai menganggap ianya merupakan emoji sedih tetapi ia sebenarnya bermaksud wajah yang sedang berasa lega, bukan bermaksud sedih atau kecewa.
	Tanda X pada emoji ini nampak seperti seseorang yang sudah mati tetapi emoji ini menunjukkan reaksi terhadap sesuatu yang sangat mengejutkan.
	Emoji ini menunjukkan seseorang menikmati makanan yang lazat dan bukannya memberi reaksi kepada sesuatu yang 'menggoda.'

Berikut adalah beberapa peranan emoji dalam komunikasi:

1. **Ekspresi Emosi:** Emoji membantu menyampaikan emosi yang sukar diungkapkan dengan teks dan kata-kata. Contohnya, emoji senyum

menunjukkan kebahagiaan dan emoji menangis menunjukkan kesedihan.

2. **Menerangkan makna:** Dalam penggunaan teks, emoji dapat membantu kefahaman penerima terhadap maksud pesanan yang disampaikan serta membantu mengurangkan kesalah fahaman oleh penerima.
3. **Meningkatkan daya tarikan:** Penggunaan emoji membuatkan pesanan lebih menarik dan mudah untuk dibaca serta difahami oleh penerima.
4. **Menjimatkan masa:** Emoji sering digunakan untuk menyampaikan perasaan atau reaksi dengan cepat tanpa perlu menulis dan menjelaskan secara panjang lebar. Komunikasi akan menjadi lebih pantas dan efisien.
5. **Identiti budaya:** Emoji boleh mewakili pelbagai budaya, pekerjaan, dan kegiatan yang mencerminkan budaya dan identiti pengguna bagi mengekspresikan diri secara lebih personal.
6. **Penggunaan dalam perniagaan:** Dalam konteks perniagaan, emoji dapat meningkatkan daya tarikan konten pemasaran dan menciptakan kesan yang lebih positif kepada pelanggan.

7. **Hubungan yang baik:** Emoji dapat memperkuat ikatan dan hubungan emosi dalam komunikasi, terutama dalam percakapan antara rakan dan keluarga.

Walaupun emoji memiliki banyak manfaat dalam komunikasi digital, terdapat beberapa masalah mungkin dihadapi oleh pengguna media, antaranya:

- Perbezaan budaya atau latar belakang akan menyebabkan variasi dalam interpretasi emoji. Satu emoji mungkin membawa maksud yang berbeza bagi individu dan budaya yang berbeza dimana ia boleh menimbulkan kesalah fahaman dalam penerimaan maksud yang ingin disampaikan oleh penyampai tersebut.
- Penambahan emoji ekspresi, tidak semestinya dapat menggantikan maksud dan konteks dalam komunikasi sepenuhnya. Walaupun terdapat pelbagai jenis emoji, penggunaannya masih terbatas dan mungkin tidak memenuhi semua perasaan atau menepati kehendak pengguna.
- Penggunaan emoji yang berlebihan akan mengganggu komunikasi dan menampilkan pesan seperti tidak serius. Sebaliknya, kurangnya penggunaan emoji dalam beberapa konteks menyebabkan pesan terasa dingin atau kaku.

- Dalam konteks perniagaan atau komunikasi formal, penggunaan emoji boleh dianggap kurang profesional atau kurang serius, yang menunjukkan kesan negatif pada pesanan yang ingin disampaikan.

Kesimpulannya, perkembangan teknologi telah membawa perubahan ketara dalam cara kita berkomunikasi. Meskipun memberi banyak manfaat, penggunaan emoji dalam komunikasi juga menimbulkan beberapa masalah seperti risiko privasi, penyebaran maklumat palsu, dan pengurangan interaksi secara bersemuka. Secara keseluruhan, emoji membolehkan komunikasi digital menjadi lebih ekspresif dan dinamik, namun ia juga berpotensi menyebabkan berlakunya salah faham jika maksudnya tidak jelas. Oleh itu, pengguna perlulah bijak dalam menggunakan emoji untuk berkomunikasi bagi meminimumkan potensi konflik atau kesalah fahaman dalam penyampaian maklumat.

Rujukan:

Ruan, L. (2011). Meaningful Signs Emoticons. Theory and Practice in Language Studies, 1(1), 91–94.
<https://doi.org/10.4304/tpls.1.1.91-94>

Sarkar, T., Shetty, N., & Humstoe, M. K. (2014). Emoticons and emotions: Contextual interpretation in text messages and consensus of meaning. *The Learning Curve*, 3(24), 24-33.

Unicode. (2016). Unicode 8.0.0. Retrieved from <http://www.unicode.org/versions/Unicode8.0.0/>

Unicode Inc. (2017). Emoji and Pictographs. Retrieved from http://www.unicode.org/faq/emoji_dingbats.html